

22 JUN 1999

MSC-IAP

24 TOKOH PENTING AKAN HADIRI MESYUARAT KETIGA IAP MSC

CYBERJAYA, 22 Jun (Bernama) -- Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC) berkata 24 tokoh penting dalam industri teknologi maklumat (IT) akan menghadiri mesyuarat ketiga Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan diadakan di sini pada Julai depan.

Pengerusi eksekutif MDC Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah berkata 13 anggota IAP telah mengesahkan kehadiran mereka manakala 11 lagi akan menghantar pegawai-pegawai kanan mereka untuk menghadiri acara tiga hari itu yang dijadualkan pada 8 hingga 10 Julai.

Ia adalah kehadiran yang baik sungguhpun bilangan peserta kurang seorang kepada 24, katanya, sambil menambah bahawa kejayaannya akan bergantung kepada perbincangan yang akan berlangsung.

Dua muka baru di dalam IAP yang akan menghadiri mesyuarat itu ialah Dr Terry Cutler, pengarah Cutler & Company dari Australia dan Profesor Wang Xuan, pengarah Peking University, Dr Othman berkata pada persidangan akhbar mengenai mesyuarat itu di sini hari ini.

Terdapat beberapa muka baru lain di dalam IAP yang tidak dapat hadir ke mesyuarat itu, katanya.

Mereka ialah John Morgridge, pengasas dan pengerusi Cisco Systems; Sven-Christer Nilsson, presiden dan ketua pegawai eksekutif (CEO) Ericsson; Benjamin Rosen, pengerusi lembaga Compaq Computer Corporation; Jeffrey Papows, presiden dan CEO Lotus Development Corporation; dan Richard Brown, pengerusi dan CEO, EDS Corporation.

Anggota-anggota tetap ialah Dr Stan Shih, pengerusi dan CEO Acer Incorporated; Serge Tchuruk, pengerusi dan CEO Alcatel Alsthom; dan Bob Bishop, pengerusi Silicon Graphic World Trade Corporation.

Anggota-anggota IAP lain yang telah mengesahkan penyertaan mereka adalah Sir Peter Bonfield, ketua eksekutif British Telecom; Tadashi Sekizawa, pengerusi Fujitsu Limited; Lewis Platt, pengerusi, presiden dan CEO Hewlett Packard; Bon-Moo Koo, pengerusi LG Chemicals dan LG Electronics; Ben Verwaayen, CEO Lucent Technologies; Jun-Ichiro Miyazu, presiden Nippon Telegraph and Telephone Corporation; Robert Madge, pengerusi dan CEO, Madge Networks Limited; dan Dr Tadahiro Sekimoto, anggota kanan lembaga pengarah NEC Corporation.

Mereka yang menghadiri sebagai pemerhati adalah David Masing, naib presiden Technology and Manufacturing Group of Intel Corporation; Pieter Knook, naib presiden Microsoft bagi Asia; Michael V. Connors, naib presiden kanan Kawasan Asia-Pasifik, Persatuan Wayang Gambar; C.D. Tam, naib presiden eksekutif dan presiden Asia-Pasifik Motorola, Kari Ohala, naib presiden kanan bagi Tenggara Asia Pasifik Nokia; Masanobu Suzuki, presiden NTT Communications; Derek Williams, naib presiden kanan bagi Asia-Pasifik Oracle; Jeremy Penn, pengarah urusan Reuters bagi Asia Dr Roland Koch, anggota lembaga pengurus Siemens AG; dan John Cage, ketua ahli sains Sun Microsystems.

Mengenai kedudukan Alvin Toffler, pengasas Toffler & Associates, Dr Othman berkata beliau kekal sebagai anggota IAP walaupun pandangannya yang kritikal mengenai kerajaan berkaitan dengan pengendalian kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengenai sama ada MDC akan meminta Toffler menghentikan kenyataan-kenyataannya mengenai kerajaan, Dr Othman berkata: "Kenapa kita mesti? itu pandangan peribadi beliau."

Mengenai Kenichi Ohmae, perunding pengurusan Ohmae & Associates,

katanya Ohmae tidak dapat hadir kerana beliau bercuti selepas terbabit dalam satu kecelakaan.

Dr Othman berkata mesyuarat tahun ini berbetulan dengan pembukaan rasmi Cyberjaya pada 8 Julai, yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 45 minit sebelum mesyuarat IAP.

Katanya agenda pada hari pertama termasuk perbincangan mengenai kemajuan MSC dan semakan dasar-dasar berkaitan dengan projek itu, selain daripada E-Dagang dan Undang-undang Siber dan hala tuju masa depan MSC.

Pada hari kedua, katanya, akan diadakan sesi perangkaian antara para peserta dan menteri-menteri kanan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan Malaysia.

Beliau berkata mesyuarat ketiga IAP itu pada asalnya dijadual pada Feb lalu tetapi ditunda ke Julai bagi membolehkan anggota-anggota melihat sendiri kemajuan MSC.

-- BERNAMA

MSL LPS OS